

K B545 BAH
SABBARUDDIN - KEJAYAAN

KUALA LUMPUR, 22 MAC (BERNAMA) -- KEJAYAAN NEGARA DALAM PELBAGAI BIDANG TERMASUK PENTADBIRAN, SUKAN, PELANCONGAN, INDUSTRI DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA SEJAK 10 TAHUN LEPAS KINI DIPAPARKAN UNTUK PENGETAHUAN UMUM MELALUI SATU PAMERAN DI MUZIUM NEGARA, DI SINI.

PAMERAN +DEKAD CEMERLANG 80-AN+ ITU, YANG AKAN DIADAKAN SEHINGGA PERTENGAHAN MEI DEPAN ANTARA LAIN MEMAPARKAN MENGENAI PENCAPAIAN NEGARA DALAM PELBAGAI BIDANG PEMBANGUNAN PADA DEKAD LEPAS TERUTAMA DI BAWAH PIMPINAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

MENTERI KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN DATUK SABBARUDDIN CHIK SEMASA MERASHIKAN PAMERAN ITU, HARI INI BERKATA, SEJAK 10 TAHUN LEPAS KERAJAAN BUKAN SAHAJA BERUSAHA MENINGKATKAN PELAKSANAAN PROJEK YANG BEDIA ADA TETAPI JUGA MENGAMBIL LANGKAH BERANI DAN BIJAK MENEROKA BIDANG-BIDANG BARU TERMASUK INDUSTRI BERAT.

BELIAU BERKATA, PAMERAN ITU BERTUJUAN MENONJOLKAN KEJAYAAN KERAJAAN YANG DIPILIH OLEH RAKYAT DAN DIPIMPIN OLEH SEORANG PERDANA MENTERI YANG BERHEMAM TINGGI DAN BERJIWA RAKYAT SEHINGGA MEMBAWA NEGARA KE SATU TAHAP PENCAPAIAN YANG TIDAK PERNAH DICAPAI SEBELUM INI.

KATANYA, KERAJAAN BARISAN NASIONAL DIBAWAH PIMPINAN DATUK SERI DR MAHATHIR SENTIASA BERUSAHA MEMIKIRKAN CARA-CARA DAN PROGRAM UNTUK MEMPERBAIKI NASIB RAKYAT, DAN MENJADIKAN MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG AMAN, MAKMUR DAN DIHORMATI DUNIA. -- LAGI
2109MST 22 03 90

D953

R B547 BAH
SABBARUDDIN - KEJAYAAN 2 KUALA LUMPUR

+MEMANG SESUATU PERUBAHAN DAN PEMBAHARUAN YANG HENDAK DIPERKENALKAN ITU TIDAK AKAN DITERIMA DENGAN BEGITU MUDAH OLEH ORANG TERTENTU TERUTAMA YANG MEMPUNYAI KEPENTINGAN POLITIK,+ KATANYA.

SEBAGAI CONTOH, KATANYA, SEMASA KERAJAAN MELANCARKAN PERBADANAN PERUSAHAAN BERAT MALAYSIA (HICOM) DAN RANCANGAN UNTUK MENGELUARKAN KERETA SENDIRI, PROTON SAGA -- BANYAK PIHAK MENYUARAKAN RASA KESANGSIAN MEREKA TERHADAP LANGKAH ITU.

DATUK SABBARUDDIN BERKATA, OLEH KERANA KERAJAAN IKHLAS DAN TABAH MELAKSANAKAN PROJEK TERSEBUT, HARI INI PENJUALAN KERETA NASIONAL ITU BUKAN SAHAJA MENDUDUKI TEMPAT PERTAMA DI NEGARA INI TETAPI BERJAYA MENEMBUSI PASARAN EKSPORT DALAM +USIA YANG MUDA+ DALAM TEMPOH EMPAT TAHUN BEROPERASI.

+INI MERUPAKAN SATU REKOD LUAR BIASA YANG DICATAT OLEH NEGARA BERBANDING DENGAN NEGARA-NEGARA TERDAHULU DARIPADA MALAYSIA DALAM BIDANG ITU,+ TAMBAHNYA. -- BERNAMA
2112MST 22 03 90